

# 50 peratus graduan UMT dapat kerja

KUALA TERENGGANU

SH 9/12/2012 m/s T 4

— Lebih 50 peratus graduan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya dapat peluang pekerjaan sebaik memamatkan pengajian tahun lalu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT, Prof Dr Yahaya Ibrahim berkata, ia menunjukkan peningkatan daripada tahun sebelumnya (2010) yang hanya sekitar lebih 30 peratus sahaja.

Menurutnya, ia berdasarkan data diperoleh dalam tempoh enam bulan iaitu sebaik sahaja penuntut tamat menduduki peperiksaan akhir sehingga menjelang majlis konvokesyen.

“Berlaku peningkatan iaitu lebih 50 peratus atau tepatnya, 61.5 peratus penuntut yang



**Pengunjung mengambil peluang mengemas kini data untuk mencari peluang pekerjaan sepanjang karnival berlangsung.**

berjaya memperoleh pekerjaan sebaik sahaja memamatkan pengajian, sekali gus menunjukkan peluang kerjaya penuntut UMT lebih baik berbanding sebelumnya.

“Sebahagian besar berjaya mendapat peluang kerjaya yang baik dan berawatan tinggi dalam pelbagai bidang, terutama daripada jurusan marin dan laut kerana UMT

memang mempunyai kelebihan dalam bidang tersebut,” katanya pada sidang media selepas memamatkan Karnival Cari Kerja I Graduan I Kerjaya di UMT, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Tabung Haji negeri, Azlilah Iham dan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja negeri, Azmi Mohamed.

Karnival selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Disember itu menyediakan 12 gerai pameran pelbagai agensi.

Yahaya berkata, pihaknya kini berusaha memantapkan unit Alumni UMT yang bertindak mengumpul data dan juga mengemas kini maklumat terkini graduan termasuk status pekerjaan.

Mengulas lanjut, Yahaya

berkata, program berbentuk karnival pertam kali diadakan kerana sebelum ini guna pendekatan berbeza dengan hanya menemptut ahli panel dan ceramah kerjaya sahaja.

Katanya, ia memberi panduan kepada penuntut supaya mereka lebih bersedia menghadapi kerjaya terutama panduan menulis resume, temu duga, kemahiran komunikasi dan juga pengetahuan yang perlu ada ketika menghadiri temu duga atau dalam pemilihan kerjaya.

“Pada karnival ini juga turut diadakan temu duga terbuka secara ‘walk in’

”Ia terbuka untuk semua tetapi kali ini kurang mendapat sambutan kerana kurang publisiti,” katanya.